

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI KELANTAN**



NOTIS SEBUTHARGA

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

2. **NO. SEBUTHARGA : JPS/KN/BPME/PPPP/SH/18/2026 (N)**

TAJUK PROJEK : KERJA PENYELENGGARAAN PINTU AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SKIM SAWA LARA, MACHANG, KELANTAN

3. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dalam Negeri Kelantan sahaja dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut:

GRED	Kategori	Pengkhususan
G1	M	M15 – Kelengkapan Mekanikal Pelbagai

4. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal, Panji, Kota Bharu, Kelantan** mulai dari **24 Mei 2026 (Ahad)**.

5. Dokumen Sebutharga kerja hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor / penama syarikat yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

6. Kontraktor yang ingin memasuki Sebutharga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Tunai berharga **RM 50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** yang dibuat atas nama **Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan** sebagai bayaran dokumen Sebutharga.

7. Taklimat dan lawatan tapak sebutharga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak dibenarkan mengambil dokumen Sebutharga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **24 Mei 2026 (Ahad)** jam **11.00** pagi di **Bilik Latihan Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal, Panji Kota Bharu**.

8. Bagi sesi taklimat sebut harga, hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/ Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK/ SPKK/ PUKONSA atau UPKJ. (ruj: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Panduan 1 Jun 2025).

9. Kontraktor hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran (Asal) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), PUKONSA, UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera serta satu Salinan sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa sesi taklimat.

10. Sila bawa cop beralamat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga.

11. Sebut Harga ini akan ditutup pada **07 Jun 2026 (Ahad)** jam **12.00 tengahari**. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal, Panji, Kota Bharu, Kelantan**. Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.
12. Penyebut harga boleh menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum/pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

Saya yang menjalankan amanah,

Tandatangan : 

Tarikh : 19/5/2026

Jawatan : Ir. RUZAINI BIN CHE MD NOR @CHE MOHAMMAD
Ketua Penolong Pengarah Kariah J13
Bah. Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal
Jabatan Pengairan Dan Saliran Kelantan